



KENYATAAN / SIARAN AKHBAR

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:
Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-88877033 Faks: 03-8881 1008

55 AKTIVITI SEMPENA PENGANJURAN KARNIVAL PUTRAJAYA 2022

PUTRAJAYA, 24 September 2022 – YB Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim menyempurnakan Majlis Perasmian Karnival Putrajaya 2022 & Kempen Kebersihan BeST Putrajaya 2022 bertempat di Dataran Putrajaya, Presint 3, Kompleks Perbadanan Putrajaya.

Turut hadir Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, YBhg. Datuk Seri Jalaluddin Alias, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg. Dato' TPr. Fadlun Bin Mak Ujud, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan) YBhg. Datuk Ruzain bin Idris.

Karnival Putrajaya 2022 merupakan acara tahunan anjuran PPj bertujuan untuk mengukuhkan persepikatan PPj dengan warga komuniti dan pemegang taruh Putrajaya. Ia merupakan medium terbaik untuk menambahkan elemen keceriaan serta kemeriahan di kalangan warga Putrajaya.

Berkonsepkan *mass infotainment* ataupun hiburan bermaklumat, Karnival Putrajaya menawarkan lebih 55 aktiviti di sepanjang 3 hari penganjurannya bermula 23 hingga 25 September 2022 dari jam 8 pagi hingga 10 malam di Dataran Putrajaya serta perkarangan Kompleks Perbadanan Putrajaya. Karnival ini telah membuka tirai acara pada 23 September dengan Program Putrajaya Berselawat yang menghimpunkan ribuan komuniti setempat berselawat bersama barisan kepimpinan Kementerian Wilayah Persekutuan, PPj, Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP), pelajar-pelajar sekolah Putrajaya serta selebriti jemputan iaitu antaranya Fakhrol UNIC, Kumpulan InTeam, Afad Raihan dan tausiah bersama Al-Fadhil Ustaz Don Daniyal bin Don Biyajid & Al-Fadhil Ustaz Imam Muda Asyraf.

Karnival Putrajaya 2022 pada kali ini membawa mini karnival seperti Karnival Pendidikan dan Kerjaya, Jelajah Aspirasi Nasional Malaysia Sihat serta Karnival Perwira Perkasa yang membawa pertandingan badan beruniform peringkat sekolah kebangsaan dan menengah Putrajaya antaranya Pertandingan Kawad Statik dan Dinamik, Pertandingan Ikatan Simpulan dan Pertandingan Orientering Sekolah Menengah & Kebangsaan Putrajaya.


Selain itu, PPj turut mengadakan Bazar Jualan Usahawan Putrajaya yang menempatkan 92 reruai pameran dan jualan produk-produk komuniti bagi memberi peluang dan mengangkat produk/perkhidmatan keluaran peniaga kecil dan usahawan yang dilahirkan menerusi program kemahiran dan keusahawanan seperti Bengkel Suri, Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera dan Program Kraf Komuniti Ku (KKK) Putrajaya.

Aktiviti sukan dan riadah seperti senaman pagi, Kayuhan Ceria, Wall Climbing, Larian Ceria Keluarga Malaysia, Pertandingan Fitness, Sukan Rakyat turut diadakan bagi menggalakkan amalan gaya hidup aktif dan sihat di kalangan komuniti. Karnival juga turut diisi dengan pertandingan mencari bakat muda di dalam bidang kulinari serta seni tarian antaranya Pencarian Junior Chef @ Putrajaya, Pertandingan Tarian, Pertandingan Nyanyian Patriotik Sekolah dan pelbagai lagi. Di samping itu, Konsert Rihuh KLFM turut disajikan kepada pengunjung dengan penampilan artis popular tanah air antaranya Haqiem Rusli, Floor88, Rahmad Mega, Sarah Suhairi, Amelina, Datin Alyah dan Luca Sickta dan Kmy Kmo.

Aktiviti lain termasuk *Tethered Hot Air Balloon*, persembahan Maskot Upin Ipin serta *Cosplay*, segmen satai ilmiah, dekor tanaman, perkhidmatan kaunter agensi kerajaan dan swasta, persembahan kesenian kebudayaan turut diadakan di sepanjang penganjuran. PPj juga turut menyediakan sebanyak 300 hadiah cabutan bertuah berjumlah lebih RM100,000 kepada pengunjung yang hadir.

Pada masa yang sama, YB Menteri Wilayah Persekutuan turut merasmikan Kempen Kebersihan BeST Putrajaya 2022. Kempen Bersih Setiap Tempat atau BeST ini dilaksanakan bertujuan untuk menambah baik tahap kebersihan di Putrajaya dengan memperkasa aktiviti pembersihan seperti plogging, BeST PLO(berlari sambil mengutip sampah), gotong royong, BeST GO pencucian siar kaki, BeST CUCI di kawasan tumpuan awam bersama komuniti dan pemegang taruh di Putrajaya. PPj telah melaksanakan sebanyak 14 aktiviti sejak Jun 2022 dan akan dilaksanakan secara berterusan di Putrajaya sehingga Disember 2022.

Penganjuran Karnival Putrajaya 2022 ini telah mendapat sokongan daripada rakan strategik utama terdiri daripada agensi kerajaan, sektor korporat dan swasta serta *Non-Governmental Organization (NGO)* antaranya Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) Putrajaya, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya (JPWPP), Kelab Usahawan Putrajaya (KUPPPutra), Bank Islam Malaysia Berhad, Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya, Radio KLFM dan pelbagai lagi.



TPr. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK
Pengarah (Komunikasi Korporat)
Perbadanan Putrajaya
Tarikh 23 September 2022

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohamad Rohaizat bin Kasman di talian 017-3132590 dan Encik Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 019-3354346.